



"SELAWAT SUATU TUNTUTAN".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمَّةِنَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتَلَوَّ عَلَيْهِمْ
عَائِتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلِ لَفِي ضَلَالٍ

مُّبِينٍ ،

2

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

3

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

4

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan pada diri saya dan sekalian yang hadir, marilah sama-sama kita berusaha sebaik mungkin untuk menunaikan segala perintahnya dan berusaha menjauhi laranganNya. Mudah-mudahan kita semua beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

5

Khutbah hari ini bertajuk "**SELAWAT SUATU TUNTUTAN**".

6

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Bulan Rabi'ul Awwal sudah tidak asing lagi untuk kita kenali sebagai bulan kelahiran Rasulullah SAW. Seorang insan mulia yang dipilih oleh Allah yang membawa rahmat untuk sekalian alam. Walaupun kita tidak pernah bertemu baginda yang menjadi penyejuk mata, walaupun kita tidak pernah bertentang mata untuk melihat keindahan rupa wajahnya, walaupun kita tidak pernah merasai kelembutan dan keindahan kulitnya, namun, nama baginda sentiasa kita sebut tatkala berselawat keatas baginda di dalam solat.

7



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءالِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ	8
Hadirin sekalian, Muhammad SAW suatu nama yang tidak pernah diberikan kepada sesiapa sebelumnya. Muhammad SAW bermaksud yang dipuji dan padanya juga terdapat maksud paling banyak dipuji. Malah Allah SWT mengangkat serta memuliakan nama Muhammad melebihi nama-nama yang lain.	9
Firman Allah SWT dalam surah Al- Insyirah ayat 4: وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ ،	10
<i>"Dan Kami telah meninggikan bagimu: sebutan namamu (dengan mengurniakan pangkat Nabi dan berbagai kemuliaan)?"</i>	
Allah SWT memuliakan Rasulullah SAW dengan nama baginda akan disebut oleh orang yang beriman selagi bumi ini masih ada. Setiap masa dan ketika tidak pernah putus alam ini dari menyebut nama Rasulullah SAW. Allah SWT memerintahkan orang yang beriman agar sentiasa berselawat ke atas Rasulullah SAW. Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 56:	
إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتُهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى الْبَيْتِ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيْمًا ۝	11
<i>"Sesungguhnya Allah dan para malaikatnya berselawat kepada Nabi, oleh itu wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu mengucapkan selawat dan salam kepadanya".</i>	



<p>Allah SWT telah memuliakan Baginda Rasulullah SAW melebihi dari segala yang lain, sehingga nama Allah dan nama Rasulullah SAW disebut bersama. Ini dapat kita buktikan dalam ungkapan syahadah, ungkapan azan dan iqamah, malah menjadi salah satu rukun khutbah Jumaat iaitu berselawat keatas Rasulullah SAW. Sehingga suatu majlis yang tidak terkandung selawat keatas baginda Rasulullah SAW pun akan di ancam dengan azab dari Allah SWT.</p>	12
<p>Hadis daripada Abu Hurairah RadiAllahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda :</p> <p style="text-align: center;">مَا جَلَسَ قَوْمٌ مَجْلِسًا لَمْ يَذْكُرُوا اللَّهَ فِيهِ وَلَمْ يُصَلُّوا عَلَى نَبِيِّهِمْ إِلَّا كَانَ عَلَيْهِمْ تِرَةً فَإِنْ شَاءَ عَذَّبَهُمْ وَإِنْ شَاءَ غَفَرَ لَهُمْ</p>	13
<p><i>"Tidaklah duduk suatu kaum di dalam suatu majlis sedang mereka tidak mengingati Allah dan berselawat kepada Nabi mereka, melainkan Allah akan menyeksa mereka dan jika Allah kehendaki Allah akan mengampuni mereka."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Tirmizi).</i></p>	14
<p>Hadirin yang dirahmati Allah,</p> <p>Betapa pentingnya kehidupan kita untuk sentiasa berselawat keatas Rasulullah SAW, sehingga orang yang tidak berselawat ke atas Rasulullah SAW selepas nama baginda di sebutkan maka dia disifatkan sebagai orang yang hina.</p>	15



Hadis daripada Abu Hurairah RadiAllahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

رَغِمَ أَنْفُ رَجُلٍ ذَكَرْتُ عِنْدَهُ فَلَمْ يُصَلِّ عَلَيَّ

16

"Amatlah hina seseorang itu apabila disebutkan namaku tetapi dia tidak berselawat ke atasku"

(Riwayat Muslim).

Hadirin sekalian,

Mencintai Rasulullah SAW bukanlah suatu cinta biasa, merindui Rasulullah SAW juga bukanlah suatu perasaan yang boleh dibuat-buat. Ianya lahir dari perasaan hati yang tulus ikhlas, hati yang suci murni. Seorang kekasih pasti akan selalu menyebut dan mengingati kekasihnya.

17

Pepatah arab ada mengatakan :

مَنْ أَحَبَ شَيْئًا كَثُرَ مِنْ ذِكْرِهِ

18

"Sesiapa yang mencintai kepada sesuatu, pasti sering menyebutnya."

Justeru, pada hari dan bulan yang penuh barakah ini dan sepanjang tahun, marilah kita bersama-sama memperbanyakkan selawat dan salam kita kepada Rasulullah SAW

19



Ini merupakan saranan dari Rasulullah SAW melalui hadis daripada Abu Umamah RadiAllahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَكْثُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ عَلَيَّ فِي كُلِّ يَوْمٍ جُمْعَةٍ، فَإِنْ صَلَّاَتْ أُمَّتِيْ تُعَرَضُ عَلَيَّ فِي كُلِّ

20

يَوْمٍ جُمْعَةٍ، فَمَنْ كَانَ أَكْثَرُكُمْ عَلَيَّ صَلَّاَتْ كَانَ أَقْرَبُهُمْ مِنِّي مَنْزِلَةً

"Perbanyakkanlah berselawat ke atasku pada setiap hari Jumaat. Sesungguhnya selawat yang dibaca oleh umatku akan dibentangkan kepadaku pada setiap hari Jumaat. Sesiapa yang paling banyak berselawat ke atasku, maka dia akan berada paling hampir denganku (di dalam Syurga)."

21

(Riwayat al-Baihaqi).

Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:

1. Umat Islam wajib meyakini bahawa Nabi Muhammad SAW adalah pesuruh Allah. Rasul utusan terakhir dan tiada Rasul lain selepasnya.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam keatas baginda Rasullullah SAW agar beroleh syafaat di akhirat kelak.
3. Umat Islam hendaklah mengikuti segala ajaran baginda Rasulullah SAW.

22



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرِ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا</p>	23
<p>"Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu adalah contoh ikutan yang baik (untuk diamalkan) bagi sesiapa yang berharap untuk bertemu Allah dan hari akhirat (dalam keredhaan-Nya) serta banyak berzikir kepada Allah".</p>	24 <i>(al – Ahzab :21)</i>
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	25
<p>أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	26



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهٖ وَصَحْبِهٖ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ يَوْمِ الْدِيْنِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpul mati. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan dunia, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p>	4
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan fizikal. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	5



<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قاضِي الْحَاجَاتِ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْتَ حَفَظَ بِعِينِ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	7
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَاغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهَدَى وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	9
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَّةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلَّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	10
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covod-19.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرْضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمَحَنَّ، بِلْطُفْكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	12



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ	13
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ	14
فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمَتِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَنِذْكُرُ اللَّهَ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	15